

Rabu – 30 September 2020

Halaman : 09



**JHANGIR KHAN** (tengah) menyerah sumbangan pakaian terpakai kepada penduduk Orang Asli sambil diperhati Mohd. Nazry (depan, dua dari kanan) di Kampung Lubuk Legong, Baling baru-baru ini.

## Perkeba sumbang pakaian terpakai kepada Orang Asli

**PRIHATIN.** Program sumbangan pakaian terpakai kepada masyarakat Orang Asli berlangsung di Kampung Lubuk Legong, Mukim Siong, Baling, Kedah baru-baru ini.

Program itu anjuran Pertubuhan Kebajikan Penduduk Daerah Baling (Perkeba).

Setiausaha, Mohd. Nazry Md. Bidin berkata, lebih kurang 30 penduduk Orang Asli di

kawasan itu dipilih untuk menerima pakaian yang masih bersih serta boleh dipakai.

Kata Nazry, pihaknya turut menyerahkan sumbangan pakaian daripada guru-guru Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Daun Tengah, Kota Sarang Semut, Alor Setar.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Dipertua Perkeba, Jhangir Khan Kathem Khan.